

Bab

Dua

BAB DUA

LATAR BELAKANG PERBADANAN ISLAM JOHOR (PIJ): SUATU Pengenalan

2.1 Latar Belakang

Perbadanan Islam Johor (PIJ) selepas ini akan digunakan dengan singkatan PIJ dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor (PKEINJ), ditubuhkan pada 6 Mei 1976 melalui Enakmen Bil. 1. Tahun 1976 oleh Kerajaan Negeri Johor. Mula beroperasi pada 1 Januari 1977.¹

2.1.1 Visi

"KETEGUHAN EKONOMI, MEMBANGUN UMMAH". Menjadikan PIJ sebuah badan berkanun yang cemerlang dan kehadapan dari segi pembangunan insan dan sosio-ekonomi yang berteraskan Islam dan meningkatkan ekonomi khususnya kepada orang-orang Islam dalam negeri Johor.

2.1.2 Misi

Memastikan bantuan yang disalurkan sampai ke sasaran dan perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan berkualiti. Menurut Pengurus

¹ Perbadanan Islam Johor, <http://pkeinj.tripod.com/indexx.html>, 6 Januari 2006.

Bahagian Pembangunan Insan menyatakan PIJ telah mendapat standard ISO sejak dari tahun 2000 lagi.²

2.1.3 Matlamat dan Objektif Perbadanan Islam Johor

- i. Menjalankan segala kegiatan pembangunan di dalam kawasan bandar dan luar bandar;
- ii. Menjalankan usaha-usaha pertanian, ternakan dan perlombongan;
- iii. Menjalankan perniagaan, perumahan, perdagangan, perusahaan dan pemasaran;
- iv. Menjalankan usaha-usaha penyelidikan, kajian dan latihan dalam bidang-bidang yang di atas;
- v. Menjalankan usahasama dan perkongsian dengan mana-mana badan pertubuhan atau orang perseorangan bagi kegiatan-kegiatan seumpamanya;
- vi. Menjalankan usaha-usaha pelaburan; dan
- vii. Membeli, menanggung beli atau memperolehi apa-apa saham dan syer dan melepaskannya mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

² Encik Azizi Redza bin Zainal, *Pengurus Pembangunan Insan Perbadanan Islam Johor (PIJ)*, Johor Bahru 5 Mac 2006.

2.1.4 Struktur Organisasi

2.1.4.1 Ahli Lembaga Pengarah

Ada 9 orang ahli dalam Ahli Lembaga Pengarah PIJ. Ahli-ahlinya ialah:

1. **Y.A.B. Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman (Pengerusi)**
Menteri Besar Johor
2. **Y.B. Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman (Timbalan Pengerusi)**
Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi Johor
3. **Y.B. Datin Paduka Hajjah Norsiah binti Haron (Ex-Officio)**
Setiausaha Kerajaan Johor
4. **Y.B. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha (Ex-Officio)**
Penasihat Undang-undang Negeri Johor
5. **Y.B. Datin Paduka Zainon binti Yusof (Ex-Officio)**
Pegawai Kewangan Negeri Johor
6. **Y.B. Dato' Haji Mohd Zaini bin Osman (Ex-Officio)**
Pengarah Jabatan Agama Johor

7. **Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Ahli)**
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Perumahan Johor

8. **Y.B. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Ahli)**
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Johor

9. **Y.B. Tuan Haji Ahmad Zahari bin Jamil (Ahli)**
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian Kebudayaan dan Warisan Johor³

2.1.4.2 Pengkorporatan

Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-49 yang bertarikh 18 Oktober 1994 memutuskan mulai 1 Januari 1995 untuk mengkorporatkan aktiviti komersial PIJ dengan menubuhkan sebuah anak syarikat yang dinamakan Perisind Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) serta kumpulannya. Ini diikuti dengan perpindahan hampir kesemua aset PIJ kepada PHSB dan kumpulannya. Keputusan Lembaga Pengarah ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam mesyuarat EXCO pada 7 Disember 1994.⁴

Perisind Holdings Sdn. Bhd. merupakan syarikat induk yang mempunyai 3 anak syarikat yang bergiat dalam bidang-bidang yang dikhususkan iaitu:

- a. **Perisind Plantation and Agriculture Sdn. Bhd. – Perladangan;**

³ Perbadanan Islam Johor, <http://www.pij.gov.my/vistapij/00.htm>, Julai 2007.

⁴ Encik Azizi Redza bin Zainal, *Pengurus Pembangunan Insan Perbadanan Islam Johor (PIJ)*, Johor Bahru, 20 Oktober 2006.

- b. Perisind Property Development Sdn. Bhd. – Hartanah; dan**
- c. Perisind Manufacturing Sdn. Bhd. - Industri Pembuatan / Perkilangan.**

Pada 15 Ogos 1997, PIJ telah menubuhkan sebuah lagi anak syarikat yang berasaskan perkhidmatan iaitu Insist Amilat Sdn. Bhd. (IASB).

2.1.5 Aktiviti-Aktiviti PIJ

Aktiviti-aktiviti PIJ termasuklah pemberian bantuan dan juga menyokong penuh aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Bantuan-bantuan telah diberikan bermula pada tahun 1995 selaras dengan pengkorporatan PIJ. Selain membangunkan tanah-tanah wakaf di negeri Johor. Pada dasarnya, bantuan-bantuan diberikan adalah untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan taraf hidup umat Islam negeri Johor khususnya. Walau bagaimanapun, PIJ berpegang pada garis panduan serta syarat-syarat untuk pemberian bantuan. Perbadanan juga menyediakan prosedur serta borang-borang bagi tujuan untuk memohon bantuan.

a. Bantuan Pelajaran

Bantuan-bantuan ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu:

i. Bantuan Pelajaran Dalam Negeri

- Bantuan Anak Yatim Sekolah Menengah Agama

Tujuan utama adalah untuk membantu anak-anak yatim yang kurang berkemampuan dari sudut kewangan agar mereka dapat meneruskan pengajian. Pemberian sumbangan adalah untuk membiayai yuran persekolahan, asrama dan makan.

- **Bantuan Yuran Peperiksaan Sekolah Menengah**

Bertujuan membantu pelajar miskin yang kurang berkemampuan agar dapat meneruskan peperiksaan ke peringkat yang lebih baik. Sumbangan bayaran meliputi yuran peperiksaan PMR, SPM, SRA, SMA, STPM dan STAM.⁵

- ii. **Bantuan Pelajaran Luar Negeri**

- Membolehkan pelajar miskin yang mendapat tempat di Universiti al-Azhar, Mesir berpeluang meneruskan pengajian mereka. Sumbangan tunai kepada pelajar yang mendapat tempat di awal tahun pertama.

- b. **Bantuan Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**

Fokus memastikan pelajar miskin yang cemerlang dapat meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Bantuan yang diberikan berupa wang tunai mengikut kursus (ijazah / diploma / matrikulasi) semaksimum RM2,000.00.

⁵ Perbadanan Islam Johor, *Enakmen Bil.1*, Tahun 1976.

2.1.5.1 Garis Panduan Pemberian Bantuan Pelajar Miskin Sekolah Rendah Kebangsaan

Objektif bantuan:

- i. Program skim bantuan pelajar miskin ini adalah merupakan projek tahunan PIJ sejak 1996. Objektifnya adalah untuk meringankan beban kewangan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Bantuan yang diberi merupakan pakaian sekolah, kasut, beg dan alat tulis yang diberikan melalui sekolah.
- ii. Program ini mendapat kerjasama dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi mengenal pasti pelajar-pelajar yang benar-benar miskin dan memerlukan bantuan. Pada kebiasaannya bantuan akan disampaikan sebelum cuti akhir tahun persekolahan.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Bapa / penjaga berpendapatan rendah tidak melebihi RM500.00 sebulan.
- ii. Tidak pernah menerima mana-mana bantuan daripada agensi dan badan kerajaan serta swasta.
- iii. Mempunyai tanggungan adik-beradik yang masih bersekolah.

- iv. Pelajar terdiri daripada pelajar sekolah yang mendapat pengiktirafan kerajaan.
- v. Terdiri daripada rakyat Islam negeri Johor (menetap sekurang-kurangnya 3 tahun di negeri Johor).
- vi. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang telah disediakan oleh Perbadanan.
- vii. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.2 Garis Panduan Pemberian Bantuan Pelajar Anak Yatim Sekolah Menengah Agama

Objektif bantuan:

- i. Program skim bantuan pelajar yatim ini adalah merupakan projek tahunan PIJ. Objektifnya adalah untuk meringankan beban kewangan kepada pelajar anak yatim. Bantuan yang diberi merupakan wang tunai sebagai galakan.
- ii. Program ini mendapat kerjasama Guru Besar atau Pengetua daripada sekolah agama yang diiktiraf kerajaan bagi mengenal pasti pelajar-pelajar anak yatim yang memerlukan bantuan.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Bapa pelajar telah meninggal dunia semasa pelajar sedang atau sebelum pelajar menuntut di sekolah berkenaan.
- ii. Pelajar hendaklah mengikuti pengajian sepenuh masa dan tinggal di asrama atau rumah sewa yang disediakan oleh pihak sekolah.
- iii. Pelajar yang mempunyai rekod disiplin yang baik dan diakui oleh pentadbiran sekolah.
- iv. Pelajar belum mendapat secukupnya bantuan dari mana-mana badan kebajikan anak-anak yatim, baitulmal atau mana-mana institusi kebajikan.
- v. Amaun maksima bantuan yang diberikan ialah RM825.00 setahun kepada pelajar yatim Sekolah Agama Swasta dan RM550.00 setahun bagi Sekolah Agama Kerajaan Johor.
- vi. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang telah disediakan oleh Perbadanan.
- vii. Terdiri daripada rakyat Islam negeri Johor (menetap sekurang-kurangnya 3 tahun di negeri Johor).
- viii. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.3 Garis Panduan Pemberian Bantuan Pelajaran Ke IPTA Dalam dan Luar Negeri

Objektif bantuan:

Skim ini disediakan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang menghadapi masalah kewangan bagi meneruskan pelajarannya di peringkat yang lebih tinggi. Bantuan ini adalah sebagai mengurangkan beban kos pembelajaran diawal pendaftaran kerana pada kebiasaannya biasiswa ataupun pinjaman pelajaran belum diperolehi lagi.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Permohonan yang layak dipertimbangkan hanya untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan surat tawaran untuk kemasukan pengajian tahun pertama di pusat-pusat IPTA berkenaan.
- ii. Bagi skim bantuan ke luar negeri pula hanya melibatkan universiti-universiti di Mesir, Arab Saudi dan Jordan yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah mendapat tempat di universiti berkenaan.
- iii. Pemohon adalah dari kalangan keluarga berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan yang ramai. Kadar pendapatan bapa / penjaga mengikut lokasi kediaman dan jumlah tanggungan penjaga.

- iv. Kadar maksima pemberian bantuan:
 - a. Matrikulasi – RM500.00
 - b. Diploma – RM700.00
 - c. Ijazah – RM1,000.00
 - d. Bayaran kes-kes tertentu mengikut budi bicara Perbadanan

- v. Pemohon belum lagi mendapat apa-apa bantuan dari mana-mana badan penaja biasiswa atau pinjaman.

- vi. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan yang disediakan oleh PIJ dan disokong dengan bukti-bukti pendapatan keluarga yang disahkan oleh majikan atau Penghulu Mukim bagi yang bekerja sendiri.

- vii. Kursus-kursus yang diambil hendaklah dalam jurusan agama bagi bantuan luar negeri tetapi kursus lain juga boleh dipertimbangkan mengikut keperluan dan budi bicara Perbadanan.

- viii. Sumbangan bantuan pelajaran diberi sekali sahaja dalam pengajian yang sama.

- ix. Bantuan akan disalurkan terus kepada pelajar yang layak.

- x. Terdiri daripada rakyat Islam negeri Johor (menetap sekurang-kurangnya 3 tahun di negeri Johor).

- xi. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang telah disediakan oleh Perbadanan.
- xii. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.4 Garis Panduan Pemberian Bantuan Kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat

Asas pemberian bantuan:

Kebanyakan sekolah-sekolah agama arab ini keadaannya amat daif dan di dalam keadaan serba kekurangan. Sumber kewangan sekolah-sekolah adalah dari yuran sekolah semata-mata dengan dibantu oleh sedikit bantuan kerajaan (Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan atau Jabatan Agama) dan juga sumbangan orang ramai bagi membiayai pengurusan dan penyelenggaraan sekolah. Sehubungan dengan itu adalah wajar sekolah-sekolah ini dibantu dari segi kemudahan-kemudahan asas untuk keselesaan para pelajarinya.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Sekolah mestilah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan disenaraikan sebagai Sekolah Agama Swasta Kerajaan Negeri Johor.

- ii. Kurikulum yang dijalankan menepati dengan Dasar Pendidikan Negara dan Jabatan Agama Johor.
- iii. Bagi tujuan bantuan bangunan sekolah, hendaklah didirikan di tanah yang mempunyai status yang disahkan sebagai wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- iv. Bagi sekolah yang terpaksa menyewa ruang bangunan milik persendirian, bantuan yang dipertimbangkan adalah untuk tujuan kemudahan peralatan bantuan mengajar dan lain-lain selain daripada bangunan. Bukti dokumen perjanjian sewaan bangunan untuk tujuan sekolah agama swasta hendaklah disertakan sekali.
- v. Permohonan hendaklah disokong dengan bukti-bukti yang sah.
- vi. Jumlah peruntukan bantuan bergantung kepada keupayaan Perbadanan.
- vii. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.5 Bantuan-bantuan Kemudahan Sekolah

Bantuan kemudahan untuk sekolah ditumpukan lebih kepada pembangunan ICT. Pembangunan ICT sebagai satu langkah untuk menangani jurang digital antara golongan kaya dan miskin selaras dengan usaha memastikan semua rakyat mendapat manfaat pembangunan ICT sepenuhnya. Sumbangan bantuan

berbentuk komputer dan kursus-kursus teknologi ICT kepada sekolah-sekolah menengah arab yang berdaftar.

2.1.5.6 Bantuan-bantuan Meningkatkan Tempat-Tempat Awam

Bantuan menaik taraf tempat awam merupakan bantuan yang baru diperkenalkan bermula tahun 2003. Bantuan adalah untuk meningkatkan dan menaik taraf kemudahan awam. Bantuan ini bertujuan memastikan tempat kemudahan awam sentiasa terselenggara dan bersih selaras dengan tuntutan Islam. Binaan tertumpu kepada kemudahan awam yang asas seperti pondok menunggu anak sekolah, pondok bas dan sebagainya.

2.1.5.7 Bantuan-bantuan Peningkatan Syiar Islam

Bantuan peningkatan syiar Islam merupakan salah satu saluran untuk memberi pendekatan kepada umat Islam supaya lebih menghayati Islam. Bantuan dakwah dan penerangan. Antaranya:

- i. Program membudayakan al-Qur'an. Satu usaha ke arah mengajak masyarakat untuk bersama-sama menghayati isi kandungan al-Qur'an supaya diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Siaran bacaan al-Qur'an dan terjemahannya melalui radio Suara Johor Best 104 setiap hari.
- ii. Program membudayakan as-Sunnah. Pendekatan berbentuk penerangan kepada masyarakat untuk menghayati hadith-hadith nabi yang

merupakan sumber rujukan kedua selepas al-Qur'an. Siaran huraian hadith-hadith melalui radio Suara Johor Best 104 setiap hari.

- iii. Bantuan aktiviti masjid / surau. Menyokong pelbagai usaha-usaha jawatan kuasa masjid / surau meningkatkan syiar Islam. Forum perdana, ceramah, motivasi, kuliah, maulidur rasul, bantuan al-Qur'an, yasin dan bubur lambuk pada bulan ramadhan.

2.1.5.8 Garis Panduan Pemberian Bantuan-Bantuan Ibadah Kepada Masjid dan Surau

Asas pemberian bantuan:

Skim bantuan ibadah yang dikendalikan PIJ adalah berupa bantuan fizikal dan kemudahan kepada institusi surau, masjid dan pendidikan Islam.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Bantuan yang diberikan merupakan kemudahan peralatan ibadah kepada masjid dan surau, institusi pendidikan agama seperti al-Qur'an, sejadah, kitab-kitab keagamaan, hamparan, buku-buku akademik dan lain-lain kemudahan ibadah.
- ii. Masjid dan surau yang amat daif dan sangat memerlukan bantuan.
- iii. Bantuan pembangunan fizikal bangunan surau dan masjid boleh juga dipertimbangkan sekiranya pentadbiran masjid mempunyai agenda

mengimarahkan aktiviti seperti TASKI, kelas mengaji al-Qur'an dan lain-lain.

- iv. Masjid dan surau yang tidak mendapat bantuan dari mana-mana pihak, aktif dan mempunyai agenda keagamaan tahunan (perlu dinyatakan).
- v. Perbadanan tidak akan memberikan bantuan kepada kes-kes ulangan (*recurrent changes*).
- vi. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.9 Garis Panduan Pemberian Bantuan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Asas pemberian bantuan:

Untuk menggalakkan badan kebajikan dan NGO mempertingkatkan aktiviti berlandaskan keagamaan dan penghayatan Islam.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Keutamaan bantuan kepada badan atau pertubuhan yang menjalankan aktiviti keagamaan dan mempertingkatkan syiar Islam.
- ii. Asas keutamaan program yang akan dilaksanakan mempunyai unsur-unsur ke arah mempertingkatkan pengetahuan Islam.

- iii. Badan atau pertubuhan yang tidak mempunyai sumber kewangan tetap bagi membiayai program atau aktiviti yang akan dijalankan.
- iv. Jumlah sumbangan bantuan yang diberikan adalah bergantung kepada budi bicara PIJ.
- v. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.10 Garis Panduan Pemberian Bantuan Perubatan

Asas pemberian bantuan:

Pemberian bantuan dilaksanakan bagi membantu pesakit-pesakit kronik yang miskin, berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk menjalani rawatan di hospital kerajaan.

Syarat-syarat pemberian bantuan:

- i. Terdiri daripada rakyat Islam negeri Johor (menetap sekurang-kurangnya 3 tahun di negeri Johor).
- ii. Kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan di hospital-hospital kerajaan.
- iii. Jumlah maksima pemberian bantuan RM1,000.00

- iv. Mendapat sokongan dan pengesahan daripada pegawai-pegawai perubatan kerajaan.
- v. Lain-lain perkara bergantung kepada budi bicara Pengurus Besar.

2.1.5.11 Bantuan-Bantuan Sosial

Bantuan-bantuan telah diberikan bermula pada tahun 1995 selaras dengan pengkorporatan PIJ, selain membangunkan tanah-tanah wakaf di negeri Johor. Aktiviti-aktiviti PIJ termasuk pemberian-pemberian bantuan dan juga menyokong penuh aktiviti-aktiviti masyarakat Islam.

Pada dasarnya, bantuan-bantuan diberikan adalah untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan taraf hidup umat Islam negeri Johor khususnya. Walau bagaimanapun PIJ berpegang pada garis panduan serta syarat-syarat untuk pemberian bantuan. Perbadanan juga menyediakan prosedur serta borang-borang bagi tujuan untuk memohon bantuan.

2.2 Anak-Anak Syarikat PIJ

2.2.1 Latar Belakang Perisind Holding Sdn. Bhd. (PHSB)

PERISIND HOLDINGS SDN. BHD. (PHSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat pada 13 Februari 1979 pada asalnya dikenali sebagai Isedecor Letrik & Air Sdn. Bhd. Perisind Holdings dan kumpulan mula bergiat aktif mulai bulan Januari 1995,

lanjutan dari "*Corporate Transformation*" PIJ. Maksud nama PERISIND ialah "Perbadanan Islam Induk".

2.2.1.1 Struktur Organisasi Ahli Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah syarikat terdiri daripada:

1. **Y.A.B. Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman (Pengerusi)**
Menteri Besar Johor
2. **Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Abdullah (Ahli)**
3. **Y.B. Dato' Haji Md Razali bin Mahusin (Ahli)**
Setiausaha Kerajaan Johor
4. **Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Ahli)**
Pegawai Kewangan Negeri Johor
5. **Y.B. Datin Paduka Hajjah Norsiah binti Haron (Ahli)**
Pengarah Urusan, Perisind Holdings Sdn. Bhd.
6. **Y.B. Tuan Haji Mahmood bin Haji Hashim (Ahli)**
Pengurus Besar Perbadanan Islam Johor
7. **Puan Zaleha binti Mahmood (Setiausaha Syarikat)**

2.2.1.2 Aktiviti

Aktiviti komersil PHSB dan kumpulan difokuskan kepada tiga sektor utama seperti berikut:

- a. Pembangunan Hartanah - Perisind Property Development Sdn. Bhd.;
- b. Pertanian dan Perladangan - Perisind Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.;dan
- c. Perusahaan dan Perkilangan - Perisind Manufacturing Sdn. Bhd.

Aktiviti-aktiviti di atas dikendalikan melalui anak-anak syarikat milik penuh PHSB dan juga melalui syarikat bersekutu. PHSB akan terus berusaha mengembangkan aktiviti perniagaan disamping memainkan peranan dalam aktiviti sosial.

2.2.1.2 Peranan

Sebenarnya PHSB bertindak sebagai sebuah syarikat pelaburan induk PIJ bagi menggembelng sumber-sumber ekonomi dan juga menjalankan berbagai aktiviti komersil iaitu pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan perdagangan bagi maksud-maksud memajukan ekonomi orang-orang Islam dalam negeri Johor.

Dengan punca-punca hasil yang kukuh diperolehi oleh PHSB dan kumpulan akan membolehkan PIJ memainkan peranan yang lebih menyeluruh memenuhi tanggungjawab sosialnya.

2.2.1.3 Strategi Korporat

Antara strategi korporat PHSB dan kumpulan adalah seperti berikut:

- i. Memberi tumpuan terhadap sumber peluang dan aktiviti komersil yang mendatangkan keuntungan serta pertumbuhan ekonomi yang tinggi.
- ii. Pengurusan operasi yang cekap, kemampuan berdaya saing dan kemahiran yang tinggi.
- iii. Bertindak secara proaktif dan professional.
- iv. Membina budaya korporat berasaskan nilai-nilai Islam seberapa yang boleh dalam segenap aspek pengurusan dan perniagaan.

2.2.1.4 Kedudukan Aset

Bagi memastikan PHSB dan kumpulan mempunyai keupayaan yang secukupnya dalam aktiviti perniagaan, jumlah aset yang diletakkan di bawah pengendalian PHSB dan kumpulan bernilai kira-kira RM100 juta.

2.2.1.5 Operasi

Antara projek-projek pembangunan yang telah, sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

a. Sektor hartanah

- i. Pembinaan kompleks pejabat di Jalan Tan Hiok Nee setinggi 13 tingkat berkos RM 25 juta.
- ii. Pembinaan sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Johor. Sehingga kini sebanyak 79 projek telah dilaksanakan.
- iii. Projek perumahan bercampur di Jalan Joned, Muar.
- iv. Pusat pelancongan berkonsepkan "*Tropical Resort*" di Tanjung Bin, Pontian, Johor.
- v. Perumahan bercampur di Kampung Tasik dan sekitar Mukim Plentong, Johor Bahru.
- vi. Pembangunan pusat pelancongan perumahan bercampur dan blok-blok perniagaan / pejabat di sepanjang Sungai Mersing dan sebahagian pantai Mersing.

b. Bidang pertanian dan perladangan

- i. Ladang kelapa sawit seluas 6,300 ekar di Kahang, Kluang.
- ii. Ladang kelapa sawit seluas 3,000 ekar di Kahang, Kluang secara usahasama.
- iii. Projek pembangunan ladang kelapa sawit seluas kira-kira 20,000 hektar di Sumatera Selatan, Indonesia secara usahasama.

c. Bidang perusahaan dan perkilangan

- i. Perusahaan "*clay roofing tiles*" melalui syarikat bersekutu iaitu Golden Clay Sdn. Bhd. di Yong Peng menggunakan teknologi moden bernilai lebih RM45 juta.
- ii. Perusahaan membersih dan mengolah semula sisa minyak "*oil sludge*" melalui syarikat bersekutu iaitu Isedecor Petroleum Technology Sdn. Bhd. di Telok Kilok, Kota Tinggi, Johor.
- iii. Projek Lombong Kuari di Pengerang Kota Tinggi, Johor secara usahasama.
- iv. Perusahaan pengeluaran tanah liat di Lenggor, Mersing.

d. Bidang perkhidmatan

- i. Menguruskan tempat letak kereta bagi Zon B iaitu kawasan PBT iaitu MBBJ, MPJBT, Majlis Daerah Kulai, Majlis Daerah Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Daerah Mersing melalui syarikat usahasama Fajar Able Parking (JOHOR) Sdn. Bhd.**

2.2.2 Latar Belakang Insist Amilat Sdn. Bhd. (IASB)

INSIST AMILAT SDN. BHD. (IASB) adalah sebuah anak syarikat dalam kumpulan PIJ. Syarikat ini telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat Sendirian Berhad menurut Seksyen 16 (4) Akta Syarikat 1965 pada 15 Ogos tahun 1997. Ibu pejabat operasi syarikat beralamat:

G-3, Bangunan PIJ,

Jalan Rebana, Kebun Teh,

80250 Johor Bahru, Johor,

Johor.

Tel: 07-3316789 / 07-3326789

Faks: 07-3337789

Emel: insist@tm.net.my

2.2.2.1 Objektif

Objektif penubuhan syarikat adalah untuk:

- i. Melaksanakan agenda keagamaan (Islam) yang boleh menjana pendapatan untuk membiayai program keagamaan (Islam) yang lain.
- ii. Bekerjasama dengan semua institusi kerajaan dan sektor korporat bagi meningkatkan penyertaan orang-orang Islam di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

2.2.2.2 Struktur Organisasi Ahli Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah syarikat terdiri daripada:

1. **Y.B. Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Pengerusi)**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri Johor
2. **Y.B. Dato' Haji Razali bin Mahussin (Pengarah)**
Pengarah Jabatan Agama Johor
3. **Y.B. Sohibel Somahah Dato' Haji Nooh bin Gadut (Pengarah)**
Mufti Kerajaan Johor
4. **Puan Samiah binti Hj Abdul Rahim (Pengarah)**
Timbalan Pengurus Besar PIJ
5. **Encik Hussein bin Ridwan (Pengarah)**
Pengurus Besar Insist Amilat Sdn. Bhd.

6. Tuan Haji Mahmood bin Hj Hashim (Pengarah)

Pengurus Besar PIJ

7. Encik Norhanis bin Bohari (Setiausaha)

Akauntan Insist Amilat Sdn Bhd.

2.2.2.3 Struktur Modal

Syarikat telah menerbitkan sejumlah 250,000 unit syer yang dilangani sepenuhnya oleh PIJ pada nilai RM1.00 setiap unit syer terbitan. PIJ adalah pemilik penuh kepada syarikat dengan modal berbayar sebanyak RM250,000.00. Manakala modal dibenarkan syarikat adalah RM500,000.00.

2.2.2.4 Pengurusan

Syarikat melantik seramai 7 orang pegawai dan 4 orang kaki tangan sokongan bagi mengendalikan operasi syarikat. Jawatan di syarikat adalah seperti berikut:

Pengurus Besar:	1 orang	Akauntan:	1 orang
Penolong Pengurus:	1 orang	Eksekutif Kanan:	1 orang
Eksekutif:	1 orang	Eksekutif Muda:	2 orang
Pembantu Akuntan:	1 orang	Kerani:	3 orang

2.2.2.5 Aktiviti

Aktiviti utama syarikat adalah menjalankan khidmat perundingan zakat harta dan pembangunan agensi takaful. Dengan usaha serta kesungguhan pengurusan syarikat sejak 5 tahun lalu, syarikat telah menjadi perunding dan pemungut zakat harta yang paling berjaya di Johor. Menurut Bendahari IASB kajian ke atas 3 tahun lepas menunjukkan pungutan zakat berjumlah RM2,000,000.00 telah berjaya dipungut. Biasanya pungutan zakat mendapat sambutan pada orang ramai iaitu pada bulan Ramadhan dan akhir tahun dalam anggaran sebanyak RM500,000.00.⁶

2.2.2.6 Peranan

Syarikat juga telah mencipta kejayaannya di bidang perkhidmatan agensi korporat di dalam industri takaful negara. Pencapaian syarikat ini telah mendorong pihak kerajaan untuk melantik syarikat sebagai agensi tunggal bagi menguruskan semua keperluan insurans dan kepentingan aset milik kerajaan di Johor.⁷

Kini syarikat telah dilantik pula sebagai Pengurus Pembangunan Bisnes Takaful Keluarga bagi Syarikat Takaful Nasional Sdn. Bhd., iaitu pengamal dan pengendali insurans takaful utama di Malaysia.

⁶ Encik Noranis Bohari, *Akauntan Insist Amilat Sdn Bhd*, 20 Oktober 2006.

⁷ Encik Noranis Bohari, *Akauntan Insist Amilat Sdn Bhd*, 20 Oktober 2006.

2.3 Kesimpulan

Menjelang tahun 2020 Malaysia dijangka akan menjadi sebuah negara perindustrian. Matlamat Perisind Holdings Sdn. Bhd. adalah untuk muncul sebagai salah sebuah badan korporat yang bergerak aktif dalam memajukan pembangunan ekonomi Malaysia. Pembangunan kawasan serta bandar baru moden akan diberi penekanan dalam aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar asli. Selain itu, bidang pelancongan juga menjadi sebahagian aktiviti perniagaan yang bercorak "*aquaculture*" dan "*agrotourism*" dengan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan-kawasan seperti Mersing, Pasir Gudang dan Kota Tinggi. Di samping itu bidang perindustrian yang turut dimajukan dengan penggunaan peralatan berteknologi tinggi.